

Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas Di Kelantan Dan Terengganu

Azreena Binti Abu Bakar¹, Nangkula Utaberta²

¹Master Student, Architecture Department , Faculty of Engineering and Built Environment,
Universiti Kebangsaan Malaysia (The National University of Malaysia)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

² Assoc. Prof. Dr. Architecture Department , Faculty of Design and Architecture,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia & Honorary Senior
Advisor, Centre of Islamic Architecture from the Sunnah (CIAS), Architecture Department,
Islamic State University (UIN MALIKI), Malang Jawa Timur Indonesia.

alin_suir@yahoo.com , nangkula_arch@yahoo.com

ABSTRAK

Kelantan dan Terengganu sememangnya kaya dengan motif ukiran yang cantik dan tersendiri. Lazimnya, motif berbentuk flora, geometri dan kaligrafi paling banyak sekali digunakan berbanding motif-motif yang lain sekaligus digunakan sebagai penanda aras identiti senibina tempatan di Semenanjung Malaysia. Penulisan ini akan membentangkan kajian analisa rekabentuk ukiran dan motif yang digunakan pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. Ukiran pada dua belas buah rumah di Kelantan dan Terengganu adalah merujuk kepada lukisan terukur di Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM) UTM, Skudai. Kajian yang dilakukan adalah tertumpu kepada beberapa komponen bahagian rumah yang mempunyai banyak motif ukiran seperti pada daun pintu dan tingkap, susur tangan, dinding, lubang pengudaraan dan tangga. Perletakan motif-motif ukiran tersebut dikaji akan kepentingannya disamping untuk nilai estetika sesebuah rumah tersebut mahupun mencerminkan sifat kedaerahan setempat bagi kedua dua buah negeri ini.

Kata Kunci: *Motif Ukiran di Kelantan dan Terengganu, Rumah Tiang Dua Belas.*

PENGENALAN

Percanggahan pendapat dimana datangnya asal usul motif ukiran dalam rumah tradisional sering menjadi persoalan . Pelbagai teori diketengahkan dalam proses mengkaji asal usul motif ukiran ini. Menurut Farish dan Eddin, 2003, motif yang lazim digunakan seperti flora menyumbang kepada identiti rantau timur yang berasal dari Empayar Langkasuka. Pada masa yang sama motif ini juga banyak digunakan di Kelantan dan Terengganu Tujuan utama penulisan ini adalah untuk membincangkan pengenalan reka bentuk motif ukiran pada rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. Motif-motif seperti flora, geometri, kaligrafi Arab dan kosmik adalah ciri-ciri yang terdapat pada panel daun pintu, dinding-dinding, susur tangan dan komponen pengudaraan dalam bentuk dan saiz yang berbeza (Ismail,2001).

Oleh itu, kajian terperinci dibuat dalam mengenalpasti asal usul motif ini samada pengaruh luar ataupun motif setempat. Selain itu, kajian ini antara lain membuat pengkhususan ke atas motif ukiran setiap rumah tradisional Melayu Kelantan dan Terengganu bagi melihat dengan jelas akan keunikan yang terdapat disebalik rekabentuk

yang nyata berbeza berbanding dengan kebanyakan senibina rumah- rumah tradisional Melayu yang lain di Pantai Barat Semenanjung.

Tujuan kedua pula adalah untuk memperincikan lagi perkembangan motif ukiran di antara Kelantan dan Terengganu kerana kedua-duanya saling berhubung kait dan terdapat banyak persamaan ukiran. Ianya berlaku apabila negara ini dijajah kuasa Barat, terutama Inggeris dan Belanda, seni bina rumah Melayu turut dipengaruhi malah motif ukiran luar yang turut dibawa bersama ke dalam senibina Melayu. Ini menyebabkan kekeliruan identiti kerana campur aduk antara senibina asing memberi kekeliruan dalam erti mencari motif ukiran sebenar rumah Melayu.

Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu dipilih kerana menurut Dr Mastor Surat, Rumah Tiang Dua Belas adalah rumah yang tercantik dalam seni bina tradisional Melayu. Tambahan pula, negeri Kelantan dan Terengganu sememangnya kaya dengan kepelbagaian motif ukiran dan sesuai dijadikan kajian penulisan kerana majoriti pengukir terkenal juga berasal dari dua buah negeri ini yang sesuai dijadikan sumber rujukan.

Penulisan ini membentangkan pendapat awal mengenai huraian kajian motif-motif ukiran yang terdapat pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. Persoalan kajian utamanya ialah apakah jenis-jenis motif yang menghiasi Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu yang mana merupakan rumah tradisional Melayu paling awal dibina.

KAEDAH KAJIAN

Analisa Kajian Terhadap Lukisan–Lukisan Terukur

Terdapat dua belas buah rumah yang dikenalpasti sebagai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. Rumah ini dipilih berdasarkan nilai estetikanya dan motif-motif yang digunakan agak menarik dan tersendiri. Tujuh buah rumah terletak di Kelantan dan enam buah rumah lagi terletak di Terengganu. Rajah 1 menunjukkan senarai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu berserta tarikh pembinaan rumah, nama pemilik dan alamat rumah tersebut.

No	Pemilik	Tahun	Alamat
1	Rumah Tok Ku Paloh,	1800 an	D62, Makam Tok Ku, Cabang Tiga, Kuala Terengganu.
2	Rumah Hj Nik Salleh Wan Ahmad,	1800 an	Kg Pulau Panjang, Kota Bharu, Kelantan.
3	Rumah Puan Wan Cik bt Sulaiman,	1880 an	Bersebelahan Perkuburan Tok Tumpat, Tumpat, Kelantan
4	Rumah Wan Sulong	1920 an	Jln Sultanah Zainab, Kota Bharu
5	Rumah Mariam Mat	1880 an	168, Kg. Hiliran Masjid, Kuala Terengganu
6	Rumah Abdul Rahim Endut	1900 an	Tanjong, Kuala Terengganu
7	Rumah Wan Embong Wan Awang	1890 an	Pulau Duyung Besar, Kuala Terengganu.
8	Rumah Hajjah Wan Mek	1800an	Kg Dalam Rhu, Tumpat, Kelantan

9	Mohamad Dobah	1850 an	1408, Jln Post Office Lama, Kelantan.
10	Rumah Tengku Nik	1880 an	Kuala Terengganu, Terengganu
11	Rumah Cik Teh	1880an	Kuala Terengganu, Terengganu
12	Rumah Hj Che Sidik	1820 an	Kg. Penambang, Kota Bharu, Kelantan
13	Rumah En. Hussein	1850 an	Rumah En. Hussein, 1409, Jln Post Office Lama, Kelantan

Rajah 1 menunjukkan senarai Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu.

Kajian lukisan terukur yang berjumlah dua belas set yang mengandungi empat tampak sisi, pelan, lukisan terperinci dan keratan bangunan adalah di rujuk untuk mengenalpasti perletakan motif-motif ukiran pada rumah tersebut. Lukisan terukur ini adalah hasil kajian pelajar-pelajar UTM.

TEMURAMAH BERSAMA PENGUKIR


Temuramah telah dilakukan bersama –pengukir pengukir yang tersohor dan terkenal dalam dunia dan seni ukiran Melayu. Pengukir pertama adalah En. Latif bin Long yang berasal dari Terengganu tetapi telah menetap di Kelantan. Pengukir yang kedua pula ialah en. Norhaiza yang berasal dari Besut. Temuramah ini dilakukan untuk mengenalpasti jenis motif-motif dan kenapa motif tersebut dihasilkan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisa yang dilakukan terhadap dua belas jenis Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu mempunyai perletakan dan ciri-ciri motif yang sama cuma mempunyai nama yang berlainan. Motif ukiran tersebut terdapat pada panel dinding, pemeleh, daun pintu dan tingkap, susur tangan, lubang pengudaraan dan juga tangga. Menurut Latif Long, ini disebabkan pengukir yang mengukir di Kelantan adalah orang yang sama mengukir di Terengganu. Oleh sebab itulah tidak banyak perbezaan yang dapat dilihat pada motif ukiran di kedua-dua buah negeri ini. Saiz serta susunan motif tersebut bersesuaian dengan pandangan mata di mana tidak terlalu berat dan tidak pula terlalu ringkas. Kajian sejarah oleh Zakaria (1994) mendapati seni ukiran telah bermula di Kelantan dan Terengganu semenjak abad ke 16 iaitu semasa era Langkasuka dimana Islam telah bertapak di sana dan mempengaruhi serta merubah seni ukiran dari segi motif, maksud dan tujuan. Ternyata kedua-dua negeri ini mementingkan aspek kesederhanaan seperti yang dituntut oleh Islam.

Perletakan motif ukiran juga sama dan tiada bezanya. Jika dilihat pada jenis motif yang digunakan, motif flora dan kaligrafi paling banyak sekali digunakan kerana selaras dengan ajaran Islam yang melarang penggunaan motif berbentuk figura. Hasil kajian juga mendapati motif –motif yang digunakan adalah olahan dari tumbuhan di sekitar kawasan. Walau bagaimanapun, sesetengah motif adalah tanpa nama kerana gambaran adalah berdasarkan kepada imaginasi pengukirnya (Norhaiza, 2008; Wan Mustapha, 2009). Ini menunjukkan betapa kreatifnya dan halusnyanya seni tangan para pengukir terdahulu dalam mengembangkan idea-idea mereka yang tersendiri tanpa meniplak idea orang lain. Jenis tumbuhan setempat yang diolah menjadi motif ukiran:

1. Pokok kekacang
2. Bunga Cengkih
3. Bayam
4. Bunga Bakung
5. Bunga Cempaka
6. Bunga Kenanga
7. Bunga Anggerik
8. Sulur Bayung bunga
9. Bunga Raya
10. Bunga Teratai
11. Buah padi
12. Daun Keladi
13. Daun Peria
14. Daun Pucuk Paku
15. Daun Bunga Jermin
16. Bunga Kekwa
17. Pucuk Rebung
18. Bunga Kerak Nasi
19. Bunga Lawang dan sebagainya.



Rajah 2 menunjukkan gambar tumbuhan yang dijadikan motif¹.

Ini membuktikan bahawa olahan motif para pengukir di Kelantan dan Terengganu adalah asli dan bukan diciplak ataupun dibawa oleh pengaruh luar kerana jenis tumbuhan ini sememangnya terdapat di kampung mahupun kawasan sekitar hutan. Tidak mustahil

¹ Kathleen Chee (1995). Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2. Pelangi Publishing Group Berhad .ms 266

juga di negeri Thailand contohnya, iaitu negara yang sering didakwa menjadi pelopor ukiran di Terengganu dan Kelantan mempunyai tumbuhan yang sama, namun jenis sobekan pada ukiran itu sendiri yang menentukan identiti sang pengukir nan berwibawa. Ini disebabkan hasil tangan setiap pengukir adalah berbeza walaupun menggunakan motif ukiran yang sama. Perkara ini turut diakui oleh Latif Long, pengukir yang berasal dari Besut dimana beliau sendiri dapat mengenalpasti air tangan anak muridnya mengikut jenis sobekan dan torehan pada ukiran tersebut walaupun pekerja dibawah seliaan beliau hampir lima puluh orang ramainya². Jenis ukiran yang selalu digunakan pula adalah ukiran tebuk timbus dan ukiran tebuk timbul.

Elemen tumbuhan yang sering digunakan pada kebanyakan Rumah Tiang Dua Belas adalah berbentuk sultur bayur iaitu dimana batangnya melingkar ke atas seakan huruf 's' dan berputik dihujungnya. Jenis tumbuhan ini kerap digunakan kerana sifat kelembutan yang ada pada lingkaran motif tersebut menjadi tatapan mata yang menyenangkan pada para penonton yang melihatnya. Susunan alur batangnya seimbang dan beralun ini sering menjadi pilihan para pengukir mahupun pemilik rumah itu sendiri. Seperti falsafah yang sering diungkapkan oleh para pengukir terdahulu seolah mengagungkan motif bersifat alunan batang ini sehinggakan ungkapan falsafah tersebut menjadi ikutan para pengukir sekarang yang berbunyi:

Tumbuh berpunca,


Punca penuh rahsia,

Tumbuh tidak menerjah kawan,

Memanjat tidak memaut lawan,

Tetapi melingkar penuh rahsia.

Ungkapan Falsafah tersebut masih terngiang-ngiang di dalam kotak fikiran si pengukir sehinggakan kajian ini mendapati motif yang menggunakan batang yang berlingkar paling banyak digunakan. Jika dilihat pada rajah 3.0, motif flora ini digunakan pada lubang pengudaraan rumah Tok Ku Paloh yang menggunakan motif flora dan mengambil olahan dari tumbuhan Bunga Bayam. Walaupun menggunakan motif bunga bayam, terdapat juga rekabentuk yang lain. Suatu motif flora yang digunakan tidak semestinya mempunyai rekabentuk yang sama malah berubah mengikut olahan dan kreativiti si pengukirnya.



² Hasil perbincangan tentang "Motif di Kelantan dan Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Latif Long di bengkel ukiran kayu, pasir Tumboh, Kelantan

Rajah 3 menunjukkan panel lubang pengudaraan pada bahagian dinding rumah Tok Ku Paloh yang bermotifkan flora yang diolah dari tumbuhan Bunga Bayam³.

Panel lubang pengudaraan ini disusun secara menegak kerana mengikut kesesuaian dinding yang menggunakan panel papan kembang ataupun janda berhias yang berbentuk gabungan menegak dan melintang. Panel ukiran ini diolah secara menegak supaya kelihatan seragam dan seimbang dengan keadaan dinding. Ini bersesuaian dengan ciri-ciri pemilik rumah ini yang merupakan guru agama dimana aspek keseimbangan dan kesederhanaan dititikberatkan. Selain itu, ukiran yang bermotifkan floral juga ditemui pada bahagian tangga dan susur tangan di Rumah Tok Ku Paloh. Didapati pada kebanyakan motif yang digunakan bukan tertumpu kepada satu motif sahaja tetapi dua motif dalam satu ukiran.

Ini bertujuan untuk mendapatkan keseimbangan dan selalunya daun sayap digunakan sebagai pelengkap sesebuah ukiran. Ini membuktikan motif jenis flora paling banyak digunakan di dalam rumah ini. Terdapat juga panel pengudaraan melintang seperti pada rajah 4.0.



Rajah 4 menunjukkan panel lubang pengudaraan disusun secara melintang pada bahagian dinding belakang rumah Mohamad Dobah yang bermotifkan flora yang diolah dari tumbuhan Bunga Teratai dan Daun Sayap⁴.

Motif ukiran ini terdapat pada lubang pengudaraan pada rumah Mohamad Dobah yang di susun secara melintang mengikut corak dinding janda berhias. Ukiran ini adalah jenis tebuk tembus dan batang bersilat bulat. Olahan motif Bunga Teratai ini dikelilingi dengan motif tumbuhan lain iaitu motif Daun Sayap yang mempunyai bahagian sulur, batang, dahan dan tunas yang melingkar dengan indah. Menurut Norhaiza, jenis ukiran yang menggunakan motif sebegini melambangkan pertumbuhan yang tiada berkesudahan dalam gerakan kehidupan di dalam alam tumbuhan⁵.


Merujuk ke pada rajah 5.0(a), penggunaan motif geometri juga digunakan pada rumah Mohamad Dobah. Jenis ukirannya pula adalah tebuk tembus. Ia menyerupai anyaman dan corak swastika. Asal usul corak ini masih samar dan pelbagai andaian dan teori telah diutarakan. Menurut Zainul Abdullah (1981:50), bentuk ini adalah lanjutan dari pengaruh

³ Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Tok Ku Paloh, D62, Makam Tok Ku, Cabang Tiga, Kuala Terengganu

⁴ Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Mohammad Dobah, 1408, Jln Post Office Lama, Kelantan.


⁵ Hasil perbincangan tentang "Motif di Kelantan dan Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Norhaiza di bengkel ukiran, Terengganu

kebudayaan prasejarah yang berterusan selepas kedatangan Islam. Pada pendapat saya pula corak ini mungkin adalah olahan dari teori dan pendapat di atas, namun pada zaman kedatangan Islam gaya geometri yang bermotifkan tumbuhan dan Al-Quran telah dihasilkan. (Zainul Abdullah 1981:50). Namun begitu, penggunaan corak ini banyak digunakan pada lubang pengudaraan rumah tradisional lazimnya. Bentuk motif ini juga digunakan pada rumah En. Hussein. Pada rajah 5.0 (b).



Rajah 5 menunjukkan penggunaan motif geometri pada lubang pengudaraan⁶.

Terdapat juga motif flora yang diselitkan dalam buah ladu pada Rumah Mohamad Dobah seperti dalam rajah 6.0. Ukiran ini adalah motif Bunga Matahari dan Daun Sayap yang menggunakan ukiran tebuk timbus batang bersilat bulat. Berdasarkan maklumat dari laman sesawang, maksud buah ladu ini merujuk kepada bentuk berlian ataupun rombus. Pengertiannya tidaklah begitu jelas dan kadangkala hanyalah digunakan sebagai sinonim untuk rombus yang bersudut empat puluh lima darjah. Penggunaannya pada ukiran seringkali terlihat. Bentuknya juga seakan geometri yang mengelilingi motif flora tersebut.




Rajah 6 menunjukkan penggunaan motif flora dalam buah ladu.

Hampir kesemua ukiran bermotifkan flora mempunyai bunga di bahagian tengah. Menurut Norhaiza, bunga adalah sebagai punca di bahagian tengah kerana pengukir ingin menjadikannya sebagai titik fokus sesebuah karya ukiran. Ia juga melambangkan kemeriahan, seakan hidup dan segar, tidak layu bahkan terdapat elemen harmoni didalamnya. Menurut Siti Zainon Ismail (1985;40) untuk menghidupkan lagi susunan awan larat teknik silat akan digunakan dengan menimbulkan atau menipiskan bentuk ukiran⁷. Motif awan larat juga banyak digunakan pada rumah tradisional Melayu. Merujuk pada rajah 7.0, motif awan larat ini terdapat pada dinding rumah Tengku Nik yang menggunakan motif bunga kemboja, anggerik dan janggut keli.

⁶ Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah En Hussein, Kelantan.

⁷ Muhammad Afandi Yahya (1995). *Simbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*



Rajah 7 menunjukkan penggunaan motif awan larat⁸.

Menurut Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa B Abd Rashid, salah satu prinsip yang ketara dalam ukiran Melayu ialah setiap ukiran atau bunganya akan bermula daripada satu tempat atau sumber yang dipanggil “punca” yang berupa “benih” atau “ibu” kepada keseluruhan komposisi ukiran tersebut. Bentuk ukiran Melayu mementingkan sifat gerak yang bermula dari suatu punca dan tumbuh perlahan-lahan keluar daripada punca tersebut. Dalam erti kata lain setiap ukiran Melayu bermula dari satu titik yang dipanggil “ibu” atau “punca”⁹. Prinsip ini juga berkaitan dengan alam manusia kerana kejadian kita juga ada puncanya.


Selain itu motif kaligrafi juga ditemui banyak di rumah tradisional Kelantan dan Terengganu, tidak ketinggalan juga pada Rumah Tiang Dua Belas di kedua-dua buah negeri ini. Seperti yang telah disebutkan di atas, motif khat ataupun kaligrafi ini paling banyak ditemui di Kelantan dan Terengganu kerana pengaruh Islam yang kuat berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Kadangkala penggunaannya dicantumkan dengan motif berunsur tumbuhan dan kosmos. Penggunaan kaligrafi dalam seni ukiran Melayu disebabkan larangan Islam terhadap penggunaan bentuk manusia dan makhluk bernyawa.

⁸ Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Tengku Nik (Istana Maziah), Kuala Terengganu, Terengganu.


⁹ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa B Abd Rashid (2008). Seminar Antarabangsa Pemandiran Budaya Tamadun Timur Laut. Penafsiran Falsafah “Ibu Dalam Awan Larat : Warisan Estetika Seni Ukiran Melayu.

Motif kaligrafi ini menjadi semakin sinonim dengan ukiran kayu Melayu kerana keindahan dan daya estetikanya yang menepati jiwa dan citarasa Islam. Ukiran ini banyak digunakan pada ambang pintu kerana dipercayai dapat menghindari anasir jahat memasuki rumah tersebut selain dipercayai mendapat keberkatan dan mengelak dari berlaku sesuatu musibah. Merujuk kepada rajah 8.0 (a,b), motif kaligrafi ini ditemui pada ambang pintu rumah Hj. Che Sidik.

a)



b)



Rajah 8 menunjukkan penggunaan motif kaligrafi¹⁰.

Penggunaan motif kaligrafi pada rumah-rumah Melayu berfungsi untuk mengakui keagungan Allah s.w.t dan nabi Muhammad s.a.w. Ukiran ini kebiasaannya terletak pada bahagian tertentu untuk berdasarkan fungsi yang ada di sebalik ukiran tersebut. Ayat Al-Quran dan hadis nabi sering digunakan serta dijadikan ilham dalam motif khat sekaligus menggesa si pengukir untuk menulis dan penonton untuk membaca. Melalui tulisan berbentuk ukiran ini, ilmu-ilmu dapat dipelajari dan hikmah Ilahi dapat didekati. (Shafie Abu Bakar: 97-98). Rajah 9.0 menunjukkan penggunaan motif kaligrafi yang terdapat pada rumah Hj Nik Salleh yang mempunyai maksud- maksud yang tertentu.

a)



b)



¹⁰ Arkib Warisan Senibina Pesisir Timur (ARWA PIS) - Motif Kaligrafi pada Ambang Pintu Rumah Hj Che Sidik, Kg. Penampang, Kota Bharu, Kelantan

Rajah 9 menunjukkan penggunaan motif kaligrafi yang mengandungi maksud tertentu¹¹.

Rajah 9.0 (a) membawa maksud “Apa –apa yang dikehendaki oleh Allah itu berlaku/ada”. Ini sekaligus menanam sifat redha dan kepercayaan kepada Yang Esa dan menerima qada dan qadar Tuhan. Motif kaligrafi (b) pula membawa maksud “Ini (kurniaan) dari kurniaan Tuhan” yang secara tidak langsung menyeru kita supaya bersyukur atas segala nikmat dan pemberian dari Allah s.w.t. Selain itu seni khat ini boleh dikatakan sebagai satu simbolisme yang sesuai untuk makhluk yang taat kepada ajaran Islam dan sebagai khalifah di muka bumi ini.

RUMUSAN

Hasil rumusan yang dapat dibuat setelah kajian dilakukan menunjukkan Rumah Tiang dua Belas di Kelantan dan Terengganu sememangnya mempunyai motif ukiran yang sama iaitu bermotifkan flora, geometri dan kaligrafi berbanding bentuk-bentuk yang lain. Ianya berlaku berdasarkan teras kepercayaan dan keyakinan yang disokong oleh beberapa faktor penting seperti faktor agama, kepercayaan, adat, falsafah dan persekitaran. Tiga motif ini merupakan motif asas yang ada pada Rumah Tiang Dua Belas iaitu bentuk rumah tradisional Melayu yang paling awal dibina di Malaysia. Terciptanya sesebuah motif dalam seni ukiran serta perletakkannya pada bahagian rumah tidaklah dibuat secara rawak namun ada tatatertib dan susunaturnya.

Para pengukir pula senantiasa mencari idea dan olahan baru bagi menghasilkan ukiran yang lebih teliti dan berkualiti supaya ukiran Melayu sentiasa disanjung dan bukan diciplak dari mana-mana pengaruh luar. Kehalusan seni ukiran Melayu sememangnya mendapat tempat di negara luar kerana sering menerima tempahan malah kunjungan untuk melihat keindahan seni ukiran kayu kita. Motif yang terhasil sememangnya mempunyai maksudnya yang tersendiri dan pengukir serta peminat ukiran memandangi bidang ini mempunyai olahan yang khusus kerana unsur motif yang wujud mempunyai fungsi yang jauh dari keindahan luarannya malah mampu menzahirkan sifat-sifat kehidupan melalui olahan tersebut. Bak kata pepetah Melayu “Hanya Jauhari yang mengenal Manikam”.

RUJUKAN

- Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Hj Nik Salleh, Kg Pulau Panjang, Kota Bharu.
Arkib Warisan Senibina Pesisir Timur (ARWARIS), Lukisan Terukur Rumah Hj Che Sidik, Kg. Penambang, Kota Bharu, Kelantan
Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa B Abd Rashid (2008). Seminar Antarabangsa Pemandiran Budaya Tamadun Timur Laut .Penafsiran Falsafah “Ibu Dalam Awan Larat : Warisan Estetika Seni Ukiran Melayu.

¹¹ Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Hj Nik Salleh, Kg Pulau Panjang, Kota Bharu.

Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah En Hussein, Kelantan.

Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Mohammad Dobah, 1408, Jln Post Office Lama, Kelantan.

Hasil perbincangan tentang "Motif di Kelantan dan Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Norhaiza di bengkel ukiran, Terengganu

Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Tok Ku Paloh, D62, Makam Tok Ku, Cabang Tiga, Kuala Terengganu

Hasil perbincangan tentang "Motif di Kelantan dan Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Latif Long di Kelantan Wood Carving, Pasir Tumboh, Kelantan

Kathleen Chee (1995). Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2. Pelangi Publishing Group Berhad .ms 266

Muhammad Afandi Yahya (1995). Symbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan.

Pusat Kajian Alam Melayu (KALAM), Lukisan Terukur Rumah Tengku Nik (Istana Maziah) , Kuala Terengganu, Terengganu.